

Headline **Wanita perlu sedar bahaya HIV/Aids**  
Date **27 Feb 2010**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Selangor & KL**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **S23**  
Article Size **218 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,199**  
PRValue **3,597**



## Wanita perlu sedar bahaya HIV/Aids

**BESTARI JAYA** - Seminar Wanita dan HIV/Aids Peringkat Daerah Kuala Selangor dengan kerjasama Balai Penghulu Mukim Bestari Jaya dan Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor telah diadakan bagi memberikan kesedaran kepada orang ramai.

Penghulu Mukim Bestari Jaya dan Hulu Tinggi, Hanis Zahari berkata, ia bertujuan bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan wanita tentang bahayanya jangkitan HIV, cara pencegahan dan pengawalannya.

Menurutnya, penyakit itu tidak mempunyai rawatan yang khusus dan tiada penawar untuk menyembuhkannya. Justeru, pencegahan adalah langkah terbaik yang boleh diambil untuk menangani masalah itu.

"HIV adalah sejenis virus bukannya penyakit. Virus ini akan mengakibatkan jangkitan penyakit yang lain.

"Pengambilan ubat bukan untuk menyembuhkan tetapi membantu mengurangkan risiko dan pengembangan virus menjadi perlahan," katanya kepada Sinar Harian.

Beliau berkata, ia hanya merebak melalui penagih dadah yang berkongsi jarum, melalui hubungan seks sama ada hetro seks, homo seks atau bio seks dan jangkitan melalui



● Sebahagian penduduk yang hadir pada Majlis Seminar Wanita dan HIV/Aids yang diadakan di Balai Penghulu Mukim Bestari Jaya, Taman Pancaran.

ibu dalam kandungan.

"Saya menegaskan agar golongan wanita khususnya remaja elakkan diri dari penyakit merbahaya ini.

"Sebab itu, dengan adanya program yang dijalankan ini, secara tidak langsung ia dapat memberikan maklumat dengan jelas mengenai HIV/Aids ini untuk menjauhi penyakit tersebut supaya tidak terjebak," katanya.

Hanis berkata, program ini juga dapat menyemai sikap positif dalam kalangan wanita agar prihatin mengenai masalah HIV yang dikaitkan

dengan gejala sosial yang melanda remaja masa kini.

"Pelbagai punca boleh berlaku contohnya seperti terpengaruh dengan rakan sebaya.

"Oleh itu, masyarakat hendaklah mengamalkan cara hidup yang sihat supaya dapat menghindarkan diri daripada jangkitan HIV," katanya.

Menurutnya, ini adalah program kali pertama yang diadakan dan selain dari ceramah turut diadakan adalah cara mandi jenazah Islam yang menghadapi penyakit HIV/Aids.